

KEKASIH MALAS, BANYAK BERHELAH

Terlalu memilih dan sering bertukar kerja, kerap minta duit



**BERSAMA
KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani
Kaunselor Berdaftar
di Bahagian Kaunseling UPM
sitifatimoh@upm.edu.my

Saya rimas dengan sikap teman lelaki yang terlalu malas berusaha dan memberi pelbagai alasan. Saya baru menyedari sikapnya itu selepas melihat dia terlalu memilih kerja dan tidak kekal dengan sesuatu pekerjaan.

Apabila saya cuba memberikan semangat, dia memberi pelbagai alasan. Ini menyebabkan saya seperti hilang keyakinan terhadapnya. Saya mulai hambar dengan perhubungan kami kerana sering memberinya wang jika dia memerlukan.

Hal ini sering kali berlaku menyebabkan saya sukar membuat keputusan sama ada mahu meneruskan perhubungan atau tidak. Lagipun usia saya masih

muda dan ada banyak yang boleh dilakukan.

DIPERSIMPANGAN DILEMA Selangor

Pemalas dan suka memberi alasan adalah sikap negatif yang perlu dijauhi. Sikap ini boleh diperbaiki jika seseorang itu benar-benar ingin berubah dan mendapat sokongan diri sendiri dan persekitaran sosialnya.

Namun jika individu itu tidak mahu berubah atau berasa tidak perlu berubah, ia boleh mendatangkan kesan buruk dalam pengurusan diri.

Merujuk kepada perkongsian ini, anda agak risau dan tidak yakin dengan sikap negatif teman lelaki. Perasaan ini mengganggu anda, sekali gus meragui keupayaan serta kesungguhannya untuk membina kehidupan lebih baik.

Lagipun anda sering kali membantunya dalam urusan kewangan apabila dia memerlukan. Ini

membuatkan anda sukar membuat keputusan dalam hala tuju hubungan itu.

Dalam proses membuat keputusan, segalanya bergantung kepada kesediaan anda berhadapan isu yang berlaku. Jika berasakan perhubungan itu pada peringkat awal sudah membebankan dan tiada hala tuju, sebaiknya anda memilih yang lebih tegas sama ada ingin membantunya menjadi lebih baik atau memutuskan perhubungan istimewa.

Kedua-dua pilihan ini ada kesan dan akibatnya dari segi emosi dan pemikiran. Jika memilih membantunya berubah, anda perlu memberi masa supaya dia benar-benar berfikir dan mencari jalan memperbaiki keadaan.

Anda juga perlu tabah dan bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan yang boleh mengganggu emosi jika dia masih tidak berubah.

Jika sanggup menerima teman lelaki seadanya, anda perlu menerima risiko

terutama membabitkan kewangan. Dalam hal ini, tanya diri sendiri sejauh mana anda sanggup berada dalam keadaan sedemikian? Apakah yang boleh dilakukan bagi memastikan hubungan berlangsung dengan baik tanpa rungutan atau perbalahan yang boleh menimbulkan konflik?

Risiko ini akan memberi kesan lebih buruk jika anda tidak bersedia menghadapinya.

Seterusnya, anda boleh mendengar pandangan orang lain yang dipercayai atau berpengalaman membuat keputusan. Anda perlu mempertimbangkan segala pandangan diberikan dengan rasional dan melihat kesan jangka panjang. Kerjasama paling penting ialah teman lelaki anda sendiri.

Sebaliknya, jika anda memilih untuk memutuskan hubungan, fikirkan dengan lebih rasional tindakan itu. Jika sudah nekad, biar ia berlaku dalam suasana terkawal dan harmoni. Usah terlalu agresif dalam memutuskan hubungan andai masih banyak usaha belum dilakukan.

Namun, jika pelbagai usaha sudah dilakukan, tetapi responsnya tetap negatif, tiba masanya untuk anda memikirkan masa depan dan hala tuju selagi masih ada masa. Ia mungkin perit pada peringkat awal, namun menjadi baik jika anda bersedia demi kebaikan pasa masa depan.

KELUARGA HALANG ANAK LELAKI CARI KERJA

Sebagai anak kedua, saya memainkan peranan dalam keluarga terutama membantu perniagaan ibu bapa. Kakak sulung sudah berkahwin dan ada tanggungjawab terhadap keluarganya sendiri.

Begitupun, saya tetap memikirkan masa depan. Sampai bila saya hanya ingin membantu perniagaan keluarga secara kecil-kecilan? Saya ingin bekerja dan mendapatkan pengalaman di luar. Sudah beberapa kali saya berjaya mendapat kerja, tetapi dihalang keluarga.

Kata mereka, pekerjaan itu tiada masa depan. Saya agak buntu dengan cara mereka berfikir. Saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan untuk meyakinkan mereka dan berpeluang mendapat pekerjaan lain.

Saya perlukan pendapatan yang tetap

untuk membina kehidupan.

MENCARI ARAH KEHIDUPAN Kelantan

Keluarga adalah asas kebahagiaan dan keharmonian. Kejayaan juga hadir dengan restu ikhlas daripada ibu bapa dan keluarga. Bagaimanapun, ia tidak bermakna keluarga yang tidak harmoni menjadi penghalang kepada kejayaan seseorang.

Baik atau buruk sesuatu perkara itu bergantung pada diri individu, bukan kerana keluarga semata-mata.

Dalam proses mendapatkan persetujuan, komunikasi menjadi kunci utama. Komunikasi yang baik bergantung pada kesesuaian masa, tempat serta perkara yang ingin dibincangkan. Jika mampu dilakukan sendirian, lakukan dengan

cukup sedia. Jika tidak, kenal pasti orang penting dalam keluarga yang boleh menjadi jurucakap anda.

Sebaiknya pilih ahli keluarga yang paling rapat dan suaranya didengari ibu bapa anda. Bantuan orang tengah sangat penting dalam usaha menerangkan sesuatu perkara yang memerlukan keputusan dibuat.

Keduanya, melakukan kebaikan pada ibu bapa secara berterusan iaitu menjaga tata tertib, memberi bantuan, menghormati mereka serta melakukan apa disuruh. Berusaha mengambil hati serta perhatian lebih supaya mereka lebih mudah menerima apa yang anda ingin perkatakan.

Ketiga, membuktikan perancangan anda sudah difikirkan dengan bersungguh-sungguh. Hasrat itu perlu diyakinkan

dengan memaklumkan kepada mereka mengenai tindakan yang ingin dilakukan. Kemungkinan besar mereka agak ragu-ragu dengan kebolehan atau keselamatan anda. Oleh itu, yakinkan mereka usaha itu akan memberikan hasil dan berjanji menjaga keselamatan diri.

Seterusnya maklumkan juga impian serta cita-cita anda dalam meraih pendapatan tetap. Anda memerlukan peluang sebegini bagi melatih diri menjadi lebih baik. Pujuk mereka, jika diberikan peluang itu apakah yang anda akan sumbangkan pada keluarga sama ada bantuan kewangan atau meluangkan masa lapang membantu mereka.

Sumbangan ini mungkin boleh meyakinkan mereka untuk memberi anda peluang mencari pekerjaan lain.